

 MDBG	BAHAGIAN PELESENAN JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH JALAN HAJI ABDUL WAHAB, 31000 BATU GAJAH.		
	SYARAT-SYARAT LESEN BENGKEL KERETA		
	Syarat-syarat/JP-MDBG/Lesen Bengkel Kereta	No. Telefon	05-3632020-3632030
		No. Fax	05-3665930
		E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my

1. Perniagaan hanya dibenarkan beroperasi di kawasan perindustrian sahaja.
2. Dilarang menjalankan aktiviti mengecat dan mengimpal tanpa mendapatkan kelulusan daripada pihak Majlis Daerah Batu Gajah(MDBG) terlebih dahulu.
3. Dilarang menimbulkan kacauganggu kepada lalu lintas dan persekitaran.
4. Dilarang membiarkan binatang seperti anjing berkeliaran di dalam bangunan / premis.
5. Sampah-sampah perniagaan hendaklah diuruskan sendiri dan dibuang ke tempat yang dibenarkan oleh MDBG. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna (MGB 240 Liter / MGB 660 Liter) bagi premis perniagaan .
6. Menjaga kebersihan di dalam dan di luar bangunan / premis.
7. Memastikan susunatur barang-barang di dalam bangunan / premis teratur dan tidak menghalang laluan / pergerakan pekerja.
8. Menyediakan kotak 'First Aid' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.
9. Dilarang membuang minyak ke dalam longkang atau mana-mana saluran air.
10. Menyediakan bekas untuk menyimpan minyak terpakai dan melupuskan ke tempat yang sesuai kepada syarikat yang mengendalikan kitar semula.
11. Mengibarkan / mempamerkan bendera negeri / kebangsaan di premis.
12. Memaklumkan kepada pihak MDBG sekiranya telah berpindah / tidak lagi menjalankan perniagaan.
13. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang di dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.
14. Tidak dibenarkan meletak peralatan atau barang-barang di kaki lima bangunan / premis tanpa kelulusan daripada pihak Majlis.
15. Dilarang menjalankan aktiviti mengecat, mengetuk dan mengimpal di premis perniagaan tanpa mendapatkan kelulusan daripada pihak MDBG.
16. Dilarang membuat sebarang tambahan 'rem' atau 'slab' kekal di kaki lima ataupun di siar kaki.
17. Dilarang meletakkan kenderaan yang sedang dibaikpulihan atau rosak di hadapan premis yang boleh menimbulkan sebarang kacau ganggu.